

Tatakelakuan Kelestarian Rakan Niaga Kumpulan Seven & i

I. Pengenalan

- **Kumpulan Seven & i akan bertindak dengan jujur berdasarkan polisi syarikat dan berusaha untuk realisasikan masyarakat yang mampan.**

Polisi Syarikat

Kami ingin menjadi syarikat yang jujur dan dipercayai oleh pelanggan kami.

Kami ingin menjadi syarikat yang jujur dan dipercayai oleh rakan niaga, pemegang saham, dan komuniti setempat.

Kami ingin menjadi syarikat yang jujur dan dipercayai oleh pekerja kami.

- **Kumpulan Seven & i memahami hak asasi manusia umum dan seterusnya bagi menjunjung dan memenuhi tanggungjawab ini, kami telah menetapkan "Dasar Hak Asasi Manusia Kumpulan Seven & i" berdasarkan prinsip dan piawaian hak asasi manusia antarabangsa .**

Dasar ini diterapkan kepada semua peringkat eksekutif dan pekerja, dan kami juga menggalakan semua rakan niaga kami untuk menegakkan dasar ini dan bekerjasama menjunjung hak asasi manusia.

- **Kumpulan Seven & i akan membina hubungan kemakmuran bersama dan saling menguntungkan dengan rakan niaga dalam "Agenda 2030 Pembangunan Mampan" dengan mengamalkan ideologi "Meninggalkan Tiada Seorang Pun (No one will be left behind)".**

Bersama dengan pembekal, kami akan menggalakkan "Keakuran terhadap Hak Asasi Manusia", "Pemeliharaan Alam Sekitar", "Pematuhan Undang-undang", dan lain-lain, dalam merealisasikan masyarakat yang mampan.

Bersama dengan pembekal, kami akan menyediakan "Produk dan perkhidmatan yang Selamat dan Boleh Dipercayai" serta mencipta masa depan yang sihat dan makmur.

Bersama dengan pembekal, kami akan mengenalpasti punca dan menangani isu penyisihan sosial dan menggalakkan keterangkuman sosial yang tidak mengecualikan sesiapa pun.

II. Pelaksanaan "Tatakelakuan Kelestarian Rakan Niaga Kumpulan Seven & i"

Kami memohon agar semua rakan niaga dapat memahami dan mematuhi "Tatakelakuan Kelestarian Rakan Niaga Kumpulan Seven & i".

1. Rakan niaga diminta untuk memahami dan mematuhi Tatakelakuan Kelestarian Rakan Niaga Kumpulan Seven & i (selepas ini dirujuk sebagai Tatakelakuan Rakan Niaga) dan memaklumkan kepada pembekal yang membekalkan produk yang dikendalikan oleh Kumpulan Seven & i.

2. Kami memohon kerjasama anda untuk berkongsi maklumat dengan Kumpulan Seven & i mengenai status pematuhan Tatakelakuan Rakan Niaga sekiranya perlu.
3. Sekiranya pelanggaran serius terma tatakelakuan ini seperti kemalangan yang membahayakan nyawa, pelanggaran hak asasi manusia, atau pelanggaran undang-undang dapat dikenal pasti, sila laporkan segera kepada wakil syarikat operasi Kumpulan Seven & i Tindakan pembetulan dan pemulihan yang segera perlu diambil bergantung pada tahap risiko, seterusnya punca berlakunya kemalangan itu perlulah disiasat bagi mengelakkan kerosakan merebak dan langkah pencegahan perlulah diambil pada masa yang sama.
4. Dalam menilai risiko kemampan aktiviti perniagaan anda, tumpukan serta utamakan bidang yang berisiko tinggi memberi kesan negatif dengan sebaik mungkin.
5. Rakan niaga diminta untuk merangka dasar syarikat merangkumi kandungan Tatakelakuan Rakan Niaga, menyebarkannya di dalam dan luar syarikat, menjalankan aktiviti kesedaran seperti latihan, dan menubuhkan organisasi untuk menyelenggara tatakelakuan inidengan bersungguh-sungguh. Tinjauan berkala dalam organisasi perlulah dijanakan untuk mengenal pasti isu, mengambil tindakan pembetulan dan pemulihan, serta langkah pencegahan.
6. Sekiranya pelanggaran terma tatakelakuan ini seperti pelanggaran hak asasi manusia atau undang-undang dapat dikenal pasti, urus niaga mungkin akan digantung atau boleh menyebabkan kontrak terbatal. Dan jika berlakunya kerosakan, kami dan mana-mana syarikat operasi Kumpulan Seven & i tidak bertanggung jawab untuk memberikan pampasan atau ganti rugi.

III. Tatakelakuan Kelestarian Rakan Niaga Kumpulan Seven & i

1. Pematuhan Undang-undang dan Keakuran terhadap Piawaian Antarabangsa

1. Undang-undang yang berkuat kuasa di setiap negara dan wilayah yang berkaitan dengan piawaian antarabangsa dan matlamatnya mesti dipatuhi.
2. Dalam membangunkan dasar pematuhan undang-undang, pembinaan sistem, pelaksanaan kurikulum latihan, dan menyediakan sistem pemberi maklumat perlu disediakan.

2. Menjunjung Hak Asasi Manusia

Menjunjung hak asasi manusia semua orang yang terlibat dalam aktiviti perniagaan perlu diutamakan bagi membina hubungan kukuh berteraskan amanah dan meningkatkan produktiviti dengan sebaik mungkin.

1. Hormati "Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa" dan "Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja" yang diisytiharkan di peringkat antarabangsa. Sekiranya terdapat undang-undang negara ataupun wilayah yang tidak merangkumi seluruh aspek hak asasi manusia, patuhi hak asasi manusia berdasarkan deklarasi ini.
2. Jangan terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam pelanggaran hak asasi manusia.
3. Jangan mengambil ringan terhadap hak asasi manusia atas alasan aktiviti perniagaan.
4. Sekiranya pelanggaran hak asasi manusia dapat dikenal pasti, segera laksanakan tindakan pemulihan.

5. Dalam membangunkan dasar untuk menghormati hak asasi manusia, pembinaan sistem, pelaksanaan kurikulum latihan, dan penyediaan sistem pemberi maklumat perlu disediakan.

3. Akta Kanak-kanak dan Orang Muda

Pendidikan untuk kanak-kanak adalah penting untuk pembangunan masyarakat yang sihat dan mampan, dan segala yang menghalang pembangunan ini seperti buruh kanak-kanak perlulah dihentikan. Selain itu, pekerja muda perlu diberi perlindungan kerana mereka belum matang dalam menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan.

1. Pastikan umur semua pekerja melebihi umur layak bekerja semasa diambil bekerja
2. Mengambilkanak-kanak bekerja merupakan pelanggaran undang-undang tempatan dan konvensyen yang ditetapkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).
*Konvensyen ILO menetapkan bahawa umur minimum pekerja tidak boleh lebih rendah daripada umur tamat pendidikan wajib dan mestilah sekurang-kurangnya 15 tahun (Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian untuk kerja berbahaya dan berisiko tinggi di mana umur minimum adalah 18 tahun di semua negara, dan 14 tahun untuk tempoh peralihan di negara membangun, serta pengecualian untuk kerja ringan.)
3. Pekerja di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan bekerja pada waktu malam atau dalam persekitaran berbahaya.
4. Jika eksploitasi buruh kanak-kanak dapat dikenal pasti, segera lindungi kanak-kanak tersebut dan ambil langkah sokongan dan pemulihan yang diperlukan.

4. Larangan Buruh Paksa

Kerja yang dilakukan mestilah berdasarkan kerelaan pekerja itu sendiri dan bukan secara paksa. Larangan ini termasuk bukan sahaja buruh yang dipaksa melalui ancaman hukuman, tetapi juga buruh atau perkhidmatan yang tidak berdasarkan kerelaan pekerja tersebut.

1. Perhambaan tanpa rela, dikurung, atau dipaksa adalah dilarang.
2. Meminta pekerja atau pencari kerja untuk menandatangani wang atau dokumen pengenalan asal adalah dilarang. Jika anda menggunakan perkhidmatan ejen pekerjaan, sila pastikan bahawa ejen tersebut tidak terlibat dalam proses pengambilan pekerja yang memaksa pekerja atau pencari kerja untuk menandatangani wang atau dokumen pengenalan asal.
3. Di dalam kemudahan tempat kerja, jangan mengenakan sekatan yang tidak munasabah terhadap kebebasan pergerakan pekerja, dan pemasangan kamera atau penempatan pengawal keselamatan hendaklah bertujuan untuk pencegahan jenayah, pengurusan maklumat, dan pengurusan keselamatan pekerja, bukan untuk memantau pekerja.
4. Pekerja bebas meninggalkan tempat kerja selepas waktu kerja yang ditetapkan dan bekerja lebih masa tanpa kerelaan mereka adalah dilarang.
5. Perletakan jawatan hendaklah dilakukan secara sukarela.

5. Perlindungan Pekerja dan Pekerjaan

Pengambilan pekerja yang terlibat dalam aktiviti perniagaan perlu dijalankan secara adil dengan memberi perhatian kepada hak asasi manusia, keselamatan dan kesihatan, dan menyediakan pekerjaan dan persekitaran yang bersih, berfungsi, dan berperikemanusiaan.

1. Semasa proses pengambilan pekerja, sediakan kontrak pekerjaan yang sesuai berdasarkan undang-undang tempatan dalam bahasa ibunda atau bahasa yang difahami oleh pekerja.
2. Pastikan maklumat mengenai syarat pekerjaan didokumentasikan, mudah difahami, dan boleh diakses pada bila-bila masa.
3. Sekiranya pekerja asing diambil bekerja, nyatakan syarat pekerjaan sebelum pekerja tersebut meninggalkan negara asal mereka.
4. Selaraskan waktu bekerja setara dengan cadangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).
 *ILO Cadangan mengenai Pengurangan Waktu Kerja 1962
 - Mencapai prinsip 40 jam seminggu sebagai piawaian sosial secara progresif.
 - Apabila mengurangkan waktu kerja, gaji pekerja tidak boleh dikurangkan.
 - Jika waktu kerja yang ditetapkan melebihi 48 jam seminggu, langkah segera harus diambil untuk mengurangkannya kepada tahap 48 jam.
5. Pekerja dibenarkan mengambil cuti yang mencukupi mengikut undang-undang setiap negara. Pastikan sekurang-kurangnya satu hari cuti dalam tempoh tujuh hari bekerja.
6. Pekerja seharusnya boleh membentuk dan menyertai kesatuan sekerja berdasarkan pilihan mereka sendiri mengikut undang-undang tempatan.
7. Dasar dan prosedur yang melarang diskriminasi perlu diperkenalkan sehubungan dengan aktiviti organisasi kesatuan sekerja seperti penyertaan dalam kesatuan, aktiviti seperti permohonan kerja, kenaikan pangkat, pemecatan, atau pemindahan.
8. Majikan, kesatuan sekerja, dan wakil pekerja harus berunding secara bebas mengenai isu untuk mencapai persetujuan yang memuaskan ketiga-tiga pihak dan membina hubungan pekerja-majikan yang sihat.

6. Pembayaran Gaji

Menyediakan pekerjaan yang bermakna dan berperikemanusiaan serta membayar gaji yang menyokong kehidupan yang berbudaya sihat merupakan tanggungjawab majikan. Gaji yang memuaskan dan pembasmian buruh kanak-kanak menyumbang kepada kestabilan sosial.

1. Gaji yang dibayar mestilah sama atau melebihi gaji minimum yang ditetapkan undang-undang tempatan atau industri, mengikut mana yang lebih tinggi.
2. Menyediakan pendapatan untuk memenuhi taraf hidup setiap negara dan wilayah serta membayar gaji yang diperlukan untuk mengekalkan taraf hidup yang sesuai termasuk makanan, air, perumahan, pendidikan, dan penjagaan kesihatan.
3. Elaun kerja lebih masa perlu disediakan pada kadar yang melebihi nisbah yang diwajibkan oleh undang-undang.
4. Semua elaun dan faedah yang diwajibkan oleh undang-undang juga perlu dibayar.

5. Tempoh dan butiran setiap kali gaji dibayar perlu dimaklumkan kepada pekerja.
6. Pengiraan gaji mestilah tepat dan dinyatakan asas pengiraannya.

7. Larangan Penderaan, Gangguan, Diskriminasi, dan Layanan Tidak Berperikemanusiaan

Penderaan, gangguan, diskriminasi, dan layanan tidak berperikemanusiaan adalah dilarang sama sekali, dan mewujudkan persekitaran kerja yang bermakna dan berperikemanusiaan. Diskriminasi bukan sahaja merampas peluang kerja secara tidak adil dan melanggar hak asasi manusia, tetapi juga menafikan banyak sumbangan dan sumber manusia yang sepatutnya boleh dimanfaatkan oleh masyarakat, dan menyebabkan kerugian sosial yang besar.

1. Penderaan fizikal atau mental atau ancaman penderaan, gangguan seksual, penyalahgunaan kuasa, atau lain-lain gangguan adalah dilarang sama sekali, dan langkah pencegahan mestilah dikuatkuasakan.
2. Diskriminasi terhadap bangsa, warna kulit, jantina, agama, pandangan politik, asal usul, latar belakang sosial, umur, kecacatan, jangkitan pelbagai penyakit berjangkit, keanggotaan kesatuan sekerja, dan orientasi seksual atau identiti jantina dalam pengambilan pekerja, gaji, kenaikan pangkat, pemindahan, pendidikan, dan pemecatan atau persaraan, adalah dilarang serta peluang yang sama mestilah diberikan secara adil.
3. Jika penderaan, gangguan, diskriminasi, atau layanan tidak berperikemanusiaan dikenalpasti, tindakan pemulihan perlu segera dilaksanakan.
4. Pastikan hukuman melibatkan wang berada dalam had yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Prosedur disiplin dan hukuman melibatkan wang mestilah berada dalam had yang dibenarkan oleh undang-undang dan tidak mengganggu kehidupan pekerja, didokumentasikan dalam peraturan kerja serta dimaklumkan kepada semua pekerja.

8. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Inisiatif pengurusan keselamatan dan kesihatan yang berterusan adalah sangat penting dengan cara mengambil langkah pencegahan kemalangan industri, mempromosikan gaya kerja sihat, mewujudkan persekitaran kerja yang selesa, dan berusaha untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

1. Memastikan bangunan dan kemudahan tempat kerja serta tempat tinggal yang disediakan kepada pekerja memenuhi piawaian yang mencukupi untuk memastikan keselamatan pekerja, mendapat kelulusan mengikut undang-undang peraturan bangunan tempatan, dan diperiksa serta lulus pemeriksaan dengan betul.
2. Pintu kecemasan, laluan kecemasan serta papan tanda kecemasan perlu memenuhi piawaian undang-undang tempatan dan disediakan di tempat kerja dan juga di tempat tinggal yang disediakan kepada pekerja, dan pemeriksaan berkala dan latihan kebakaran perlu dijalankan.
3. Tempat tinggal yang disediakan mestilah mempunyai persekitaran yang selamat untuk pekerja dan privasi mereka mestilah dihormati.
4. Tandas yang bersih dan air minuman untuk pekerja perlu disediakan dan bebas digunakan semasa waktu bekerja.
5. Peralatan pelindung, penjelasan cara kerja, dan latihan yang diperlukan untuk pekerja melakukan kerja dengan selamat perlu disediakan.

6. Sistem pengendalian dan penyimpanan bahan kimia dengan betul perlu disediakan, dan langkah pencegahan kemalangan dan kemerebakan kerosakan sekiranya berlaku kemalangan perlu dikuatkuasakan.
7. Kenal pasti dan nilai semula kerja yang membebankan fizikal, dan pengurusan yang betul perlu dilaksanakan untuk mengelakkan kemalangan dan penyakit pekerjaan.
8. Jika berlaku kemalangan atau penyakit pekerjaan, kenal pasti, nilai, rekod, dan laporkan keadaan, serta ambil langkah dan tindakan pembetulan yang sesuai.
9. Patuhi peraturan undang-undang yang berkaitan dengan faedah dan kebajikan pekerja, dan sediakan persekitaran yang membolehkan pekerja bekerja dengan selamat.
10. Layanan yang tidak adil atas alasan kehamilan, cuti bersalin, penjagaan anak, dan lain-lain, adalah dilarang sama sekali dan sediakan persekitaran kerja dan kerja yang bersesuaian dengan tenaga kerja pekerja tersebut.
11. Jalankan pemeriksaan kesihatan yang sesuai bagi memastikan kesihatan pekerja berada di tahap yang baik.

9. Pemeliharaan Alam Sekitar

Urus niaga yang dijalankan perlulah mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar dalam semua aspek seperti perolehan bahan mentah, pembuatan, dan pembekalan, seterusnya menyumbang dalam merealisasikan masyarakat mampan.

1. Patuhi peraturan alam sekitar setiap negara dan wilayah termasuk peraturan yang ditetapkan dalam konvensyen antarabangsa.
2. Penggunaan bahan kimia yang dilarang oleh konvensyen antarabangsa atau peraturan undang-undang, serta yang dilarang oleh syarikat operasi Kumpulan Seven & i adalah tidak dibenarkan sama sekali.
3. Sisa industri, pelepasan, asap dan air sisa perlu diuruskan dengan betul bagi mencegah pencemaran alam sekitar.
4. Sumber, penggunaan, dan pelepasan air yang digunakan mestilah sentiasa dipantau, dan gunakan sumber air dengan bijak termasuk pengurusan air sisa yang betul dan jimatkan penggunaan air untuk mengawal jumlah air sisa.
5. Fahami dan sedar akan kesan perniagaan terhadap alam sekitar.
6. Sedari akan kepentingan kepelbagaian biodiversiti dan berusaha untuk memeliharanya.
7. Rakan niaga yang mengendalikan produk tulen syarikat operasi Kumpulan Seven & i diminta untuk bekerjasama dalam mencapai matlamat "GREEN CHALLENGE 2050" Kumpulan Seven & i.
 - Pengurangan Pelepasan CO₂
 - Menjelang 2050, bekas produk tulen akan menggunakan 100% bahan mesra alam (biojisim, biodegradasi, bahan atau kertas kitar semula, dll.).
 - Menjelang 2050, kadar kitar semula sisa makanan disasar untuk mencapai 100%.
 - Menjelang 2050, bahan mentah makanan untuk produk tulen dijamin akan menggunakan 100% bahan yang mampan.
8. Jalankan secara aktif pembangunan dan promosikan teknologi mesra alam,

10. Pencegahan Kebocoran Maklumat dan Pengurusan Maklumat

Pastikan "kerahsiaan", "integriti", dan "ketersediaan" aset maklumat dipelihara, dan lindungi daripada ancaman kebocoran maklumat akibat kecuaian, kecurian, pengubahsuaian, dan pemusnahan yang disengajakan atau tidak sengaja.

1. Bina struktur organisasi untuk mengekalkan dan mengurus keselamatan maklumat, dan tentukan peranan dan tanggungjawab.
2. Hadkan penggunaan semua maklumat hanya untuk tujuan perniagaan sahaja, penggunaan untuk tujuan lain atau penggunaan peribadi, akses oleh individu bukan pekerja adalah dilarang sama sekali.
3. Tetapkan dan kekalkan peraturan berkaitan keselamatan maklumat, melalui kurikulum latihan berkala untuk semua pekerja.
4. Wujudkan sistem dan tatacara cepat dan berkesan sekiranya berlaku insiden melibatkan keselamatan maklumat.
5. Bangunkan pelan kesinambungan perniagaan sebagai persediaan menghadapi bencana atau kemalangan, dan berusaha untuk memastikan keselamatan maklumat.
6. Patuhi undang-undang, peraturan, dan obligasi kontrak berkaitan keselamatan maklumat.
7. Pemeriksaan sendiri dan audit dalaman mesti dijalankan untuk memastikan peraturan berkaitan keselamatan maklumat dipatuhi, dan langkah pengurusan yang sesuai dan berkesan untuk memastikan keselamatan maklumat mestilah ditentusahkan dan direktifikasikan secara berterusan.
8. Tetapkan peraturan pengurusan penggunaan media sosial peribadi dan sediakan latihan bagi mencegah kebocoran maklumat, pelanggaran hak asasi manusia, dan aktiviti yang menyalahi undang-undang oleh pekerja,

11. Pengurusan Maklumat Peribadi

Perlindungan maklumat peribadi adalah isu penting dalam perniagaan dan merupakan tanggungjawab sosial. Semua eksekutif dan pekerja harus sedar akan kewajipan ini dan melaksanakan tugas mereka dengan sebaiknya.

1. Jangan gunakan maklumat peribadi selain daripada tujuan yang ditetapkan, dan jika ingin menggunakannya melebihi skop tujuan tersebut, sila dapatkan persetujuan terlebih dahulu daripada individu berkenaan.
2. Wujudkan struktur organisasi untuk melindungi maklumat peribadi, dan tentukan peranan dan tanggungjawab.
3. Perolehan, pengurusan, penggunaan, dan perkongsian maklumat peribadi perlu mengikut undang-undang dan peraturan.
4. Jika berlaku insiden melibatkan kebocoran maklumat peribadi, sila laporkan segera kepada pihak berkuasa yang berkaitan dan wakil syarikat operasi Kumpulan Seven & i yang bertanggungjawab, dan bertindak pantas untuk mencegah kerosakan yang lebih besar.

12. Pengurusan Kualiti dan Etika Gerak Balas

Menyediakan produk dan perkhidmatan yang berteraskan keselamatan, "baru", dan "berkualiti tinggi" untuk menjana kehidupan yang kaya dan sihat kepada masyarakat, dan memastikan kepuasan pelanggan. Untuk menyediakan produk yang selamat, terjamin, dan beretika kepada pengguna akhir, piawaian kualiti yang disediakan oleh syarikat operasi Kumpulan Seven & i perlu dipatuhi seperti berikut.

1. Bertanggungjawab untuk menghormati, melindungi, dan membantu melaksanakan hak asasi manusia, bertimbang rasa dalam pekerjaan dan persekitaran kerja, dan memelihara alam sekitar dalam proses pengambilan bahan mentah, pembuatan, pengangkutan, penyediaan kepada pengguna akhir, dan pelupusan produk dan perkhidmatan.
2. Mematuhi piawaian kualiti dan pelabelan yang ditetapkan mengikut negara pengeluar dan penjualan.
3. Membangunkan dan menyediakan produk dan perkhidmatan melalui perspektif pelanggan, dan berusaha untuk meningkatkan kualiti yang memuaskan pengguna akhir.
4. Beretika tinggi dalam pembangunan dan penyediaan produk dan perkhidmatan, dan mematuhi undang-undang dan norma sosial.
5. Maklumat mengenai produk dan perkhidmatan hendaklah disediakan dengan cara yang sesuai dan mudah difahami oleh pengguna akhir.
6. Produk dan perkhidmatan yang disasarkan kepada kanak-kanak atau yang mempunyai kontak dengan kanak-kanak mestilah dijamin selamat dan tidak mendatangkan kemudaratan mental, moral, atau fizikal kepada kanak-kanak.

13. Hubungan dengan Komuniti Tempatan dan Antarabangsa

Hak asasi manusia, alam sekitar, budaya, agama, dan adat resam di negara dan wilayah di mana perniagaan dijalankan hendaklah sentiasa dihormati bagi merealisasikan masyarakat yang mampan.

1. Menangani pelbagai isu sosial dalam masyarakat antarabangsa dan tempatan melalui dialog, dan menyumbang kepada penyelesaian isu ini melalui kerjasamaperniagaan.
2. Menjalankan aktiviti perniagaan yang menghalang kelangsungan hidup dan kesihatan penduduk tempatan adalah dilarang.
3. Sebarang hubungan dengan kumpulan anti-sosial (kumpulan bersenjata, organisasi jenayah, organisasi pengganas, kumpulan samseng ahli-ahlinya, syarikat atau organisasi yang berkaitan dengan jenayah terancang, pemerag ugut, gerakan sosial atau aktiviti politik yang mencurigakan, kumpulan keganasan khas, dll.), serta mereka yang bersekongkol dengan kumpulan anti-sosial tidak dibenarkan sama sekali.
4. Ambil langkah untuk memutuskan hubungan dengan kumpulan anti-sosial, pastikan pembekal dan rakan niaga lain tidak mempunyai hubungan dengan kumpulan anti-sosial, dan sertakan klausa dalam setiap kontrak tentang pengecualian dari kumpulan anti-sosial.
5. Tidak terlibat dalam konflik atau jenayah seperti menjadi sumber dana untuk kumpulan anti-sosial dalam transaksi urus niaga.

14. Pencegahan Rasuah dan Urus Niaga yang Adil

Jalankan perniagaan yang adil, telus, dan persaingan yang bebas dan bersesuaian sambil mengekalkan hubungan yang sihat dan normal dengan politik dan pentadbiran.

1. Tidak terlibat dalam sebarang bentuk urus niaga rasuah termasuk paksaan dan suapan.
2. Semasa menjalankan perniagaan, memberi atau menerima hadiah, pinjaman, ganjaran, imbuhan, atau faedah lain secara langsung atau tidak langsung yang boleh mencetuskan tingkah laku yang tidak jujur, haram, atau khianat adalah dilarang sama sekali.
3. Polisi dan kurikulum latihan berkenaan pencegahan rasuah hendaklah dibangunkan.
4. Persaingan bebas dan adil yang mematuhi undang-undang seperti akta anti-monopoli dan peraturan dalaman syarikat hendaklah sentiasa dihormati.
5. Semasa menjalankan urus niaga, amalkan perniagaan yang sihat, berurus niaga dengan syarat yang sesuai, dan tidak menerima faedah peribadi.
6. Sumbangan politik, hadiah, biayaan hiburan, atau faedah kewangan kepada pegawai awam domestik atau asing dan yang seumpamanya hendaklah mengikut undang-undang setiap negara, dan mengekalkan hubungan yang normal dengan politik dan pentadbiran.

15. Perlindungan Harta Intelek

1. Lindungi dan beri perhatian terhadap hak harta intelek yang dimiliki atau dimiliki oleh syarikat daripada pencerobohan oleh pihak ketiga.
2. Pemerolehan dan penggunaan harta intelek pihak ketiga seperti paten, utiliti baharu, reka bentuk, tanda dagangan, hak cipta, dan rahsia perdagangan, penggunaan perisian tanpa kebenaran, dan penyalinan maklumat buku atau pelbagai media secara haram dan lain-lain pencerobohan hak adalah dilarang sama sekali.

16. Pengurusan Import dan Eksport

1. Sila patuhi semua undang-undang berkaitan import dan eksport produk dan bahan mentah.
2. Tidak mempunyai sebarang hubungan dengan negara, wilayah, organisasi, atau individu yang menjadi sasaran sekatan ekonomi antarabangsa dalam hal berkaitan penyediaan dana, bekalan produk dan bahan mentah, atau pampasan tenaga buruh.
3. Laksanakan usaha wajar untuk memastikan bahan mentah yang terkandung dalam produk tidak menyebabkan atau terlibat dalam pelanggaran hak asasi manusia yang serius, kemusnahan alam sekitar, rasuah, konflik, dll. di kawasan konflik dan berisiko tinggi.

17. Penyediaan Sistem Pemberi Maklumat

Mekanisme untuk mengendalikan laporan dan perundingan yang dipercayai mengenai salah laku organisasi atau individu dari dalam dan luar syarikat hendaklah diperkenalkan, bagi mengesan awal dan mencegah pelanggaran hak asasi manusia dan salah laku, membaikinya serta memastikan hak asasi manusia sentiasa dilindungi dan dimatuhi.

Selain itu, bagi memastikan tiada tindak balas berlawanan kepada pemberi maklumat, perlindungan terhadap pemberi maklumat perlu disediakan.

18. Pelan tindakan Menghadapi Bencana

Sentiasa mengambil tahu mengenai ramalan bencana alam dan memastikan kerosakan berada di tahap minimum dengan mengutamakan keselamatan pekerja dan penduduk tempatan. Sediakan rancangan kesinambungan perniagaan untuk memastikan perniagaan dapat diteruskan atau dipulihkan dengan cepat sambil memastikan kerosakan aset perniagaan di tahap minimum, dan menjalankan simulasi berkala dan menyemak semula rancangan.

19. Sebaran kepada Rantaian Bekalan

Fahami dan sebarkan tatakelakuan ini kepada pembekal-pembekal anda, dan berikan sokongan dan cadangan tindakan pembetulan yang sesuai sekiranya perlu.

20. Pemantauan

Tujuan pemantauan adalah untuk memastikan "keterjaminan keselamatan dan keyakinan kepada pelanggan", "hubungan saling menguntungkan dengan rakan niaga", dan "penyebaran tatakelakuan ini" diguna pakai. Kerjasama anda dalam pemantauan sangat dihargai.

1. Sila ber bekerjasama jika pemantauan dijalankan untuk mengesahkan pematuhan tatakelakuan ini.
2. Rekod pelaksanaan yang membuktikan pematuhan tatakelakuan ini perlu didokumentasikan dan disimpan dengan betul.
3. Sekiranya terdapat permintaan untuk mendedahkan atau berkongsi maklumat oleh Kumpulan Seven & i, sila beri kerjasama.
4. Sekiranya hasil pemantauan menunjukkan bahawa terdapat ketakakuran terhadap tatakelakuan ini, ambil tindakan untuk memperbaiki dan membetulkannya.

Tamat

Ditetapkan pada Mac 2007

Disemak semula pada April 2017

Disemak semula pada Disember 2019

Disemak semula pada Mac 2025